



Kau tak layak!

Ibu teman wanita halang kahwin dengan alasan pendidikan tak setaraf

Soalan

SAYA dan teman wanita mempunyai masalah berat dalam perhubungan kami kerana mendapat tentangan daripada ibu bapa yang menghalang daripada melangsungkan perkahwinan.

Ini kerana keluarga teman wanita menganggap saya tidak layak untuk anak mereka kerana saya berpendidikan rendah dan tidak mampu menjamin kesenangan hidup selepas berkahwin.

Tentangan serta halangan itu membuatkan kami mengalami tekanan teruk terutama teman wanita yang pernah bertekad untuk membunuh diri. Bagaimanapun, saya bersyukur kami masih bersama hingga hari ini.

Hinaan itu juga membuatkan saya nekad untuk mengubah nasib dan mengambil keputusan belajar di peringkat diploma. Saya akhirnya berjaya dan bakal menamatkan pengajian tidak lama lagi.

Saya sangka apabila sudah ada kelayakan, keluarga teman wanita boleh menerima. Saya menghantar rombongan meminang namun jawapan diberi kurang menyenangkan. Ibu teman wanita masih sukar menerima dan menjadikan latar belakang saya sebagai alasan.

Bagaimanapun dia akhirnya

bersetuju selepas campur tangan saudara terdekat namun ada pula syaratnya iaitu segala duit simpanan akaun, rumah dan kereta teman wanita diambil semula. Saya yakin dia, itu semua tidak penting.

Mungkin ibunya takut saya mengambil semua hartanya sebaik saja berkahwin padahal itu bukanlah niat saya. Teman wanita mempunyai abang dan adik yang dikategorikan sebagai orang kelainan upaya (OKU). Mungkin atas sebab inilah ibunya tidak mahu saya yang miskin ini berkahwin dengan anaknya.

Saya sudah menceritakan hasrat mengahwini teman wanita pada emak dan dia tiada masalah, malah bersedia juga menjaga abang dan adik teman wanita jika sesuatu berlaku.

Yang Ingin Bersatu

KUALA LUMPUR

Jawapan

DR ucapkan tahniah kerana adik ikhlas ingin memperisterikan teman wanita. Bersifat empati kepada ibu teman wanita adalah satu cara dapat melihat masalah ini dari sudut pandangan beliau. Bukanlah sesuatu yang mudah bagi ibu teman wanita berada dalam keadaan yang dua anaknya adalah OKU. Tentu sekali ker-

sauan timbul dan memikirkan apakah bakal berlaku kepada mereka.

Kerisauan juga berlaku terhadap anak perempuannya iaitu teman wanita adik dan masa depan anak mereka. Sebagai seorang ibu, tentu sekali dia inginkan yang terbaik untuk anak mereka. Adik ikhlas memberitahu Dr niat sebenar ingin memperisterikan teman wanita. Dr terharu dan bersyukur dengan sikap adik itu. Adik boleh memberitahu ibu teman wanita aja sebenarnya yang adik rasakan sama seperti apa yang adik beritahu Dr.

Jika adik ikhlas memperisterikan teman wanita, segala kesukaran pasti dilalui. Tentunya mengalah dan melepaskan teman wanita bukanlah satu ciri lelaki yang benar-benar serius dalam perhubungan.

Namun, jika segala usaha sudah dilakukan dan adik masih lagi gagal dalam perhubungan ini, tentu sekali adik tiada jodoh dengan teman wanita. Tidak bermakna adik tidak dapat memperisterikan teman wanita, bermakna adik tidak menyayangnya. Ini soal jodoh.

Namun, soal jodoh dan takdir diserahkan apabila segala usaha sudah dilakukan. Dr doakan adik berjaya dalam memujuk ibu teman wanita.

Ibu bagaikan musuh

Soalan

SAYA adalah pelajar, remaja berusia 14 tahun dan anak sulung dalam keluarga. Saya dikategorikan sebagai pelajar sederhana namun ibu nampaknya tidak faham mengenai kemampuan saya.

Setiap kali markah peperiksaan teruk, pasti ibu marah dan berleter sepanjang hari hingga menyebabkan saya berasa sangat bosan.

Saya pun hairan mengapa ibu boleh jadi begini kerana dulu kami umpama kawan baik. Segala yang saya lakukan semuanya kurang disenangi terutama dalam perhubungan dengan rakan.

Saya bukannya ingin melakukan perkara tidak baik cuma mahu berkawan. Malah lebih teruk, ibu asyik mengkritik mengenai pakaian saya yang dikatakan kurang sopan.

Cara dan sikap ibu membuatkan saya sangat bosan. Dia sering membebel dan meminta saya supaya belajar. Saya dan

ibu bagaikan musuh.

Remaja Tertekan

SHAH ALAM

Jawapan

SEMEMANGNYA zaman remaja penuh dengan konflik sama ada bersama keluarga atau rakan. Malah, konflik antara remaja dan ibu bapa sering berlaku kerana dua generasi memandang kehidupan dari sudut berbeza.

Ibu bapa melihat apa yang dilakukan anak seperti tidak penting namun tidak bagi remaja yang melihatnya dari pandangan sebagai orang muda.

Contohnya adik yang hanya ingin menjalin persahabatan dengan rakan. Adik melihatnya sebagai satu proses normal namun bagi ibu ia satu 'masalah' hingga menyalurkan ketegangan emosi itu melalui caranya sendiri seperti mengawal ketat pergerakkan atau membebel.

Ahli psikologi berpendapat peringkat awal menjadi remaja konflik hubungan antara mereka

dan ibu bapa mulai tegang.

Banyak faktor yang menyebabkan antaranya ibu bapa tidak mahu atau kurang memahami perkembangan dan keinginan, pemikiran dan proses kematangan yang dilalui remaja.

Malah, sikap ego ibu bapa yang menganggap mereka lebih berpengalaman juga antara faktor penyumbang.

Sikap ibu yang selalu menyuruh adik belajar didorong rasa prihatin dan bimbangannya mengenai masa depan adik. Cuma caranya mungkin tidak kena di hati adik kerana ibu melakukannya melalui paksaan atau leteran yang menyakitkan telinga.

Adik boleh mengambil usaha dengan berbincang dari hati ke hati dengan ibu. Beritahu ibu isi hati adik namun lakukannya dengan nada lembut supaya ibu tidak tersinggung.

Luangkan juga masa dengan ibu kerana mungkin dia juga berkecil hati kerana adik mungkin juga sudah tiada masa dengannya atau lebih menumpukan kepada rakan.